

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 22  
RUANGAN : NATION

THE STAR MUG NATION 22/1/2025 (RABU)

## Doctors' on-call allowances set for Friday decision

By ARFA YUNUS  
arfayunus@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** Doctors may finally get clarity on their on-call allowances as the Cabinet is set to make a decision this Friday, says Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

The Health Minister said this was conveyed to him yesterday by Datuk Seri Anwar Ibrahim – who is currently on a work trip overseas – but refrained from providing further details on the matter.

"I had the opportunity to speak with the Prime Minister, and he mentioned that we should wait for this Friday's Cabinet meeting for a definitive decision," he told a press conference at the Health Ministry here yesterday.

"The spirit of it reflects what was mentioned last August in the Prime Minister's speech – this increment is something he and I have already discussed, and he also mentioned it during the tabling of Budget 2025.

"That is the position as it stands. As for the details, we will wait for the decision and guidance from the Prime Minister this Friday," he added.

When presenting the budget last year, Anwar announced an increase in the on-call duty allowance for doctors and dentists in specific categories, ranging from RM55 to RM65.

This represents about a 25% rise from

the current rate of RM200 for a 24-hour active call on weekdays.

For weekends and public holidays, the allowance for active calls is RM220 per call.

For passive calls, where doctors remain on standby at home, the rates are RM80 for weekdays and RM85 for weekends and public holidays.

Doctors recalled to work for more than four hours during passive calls are entitled to an additional payment of RM50 on weekdays and RM55 on weekends.

Specialists, meanwhile, are set to receive higher on-call allowances, with RM230 allocated for weekdays and RM250 for weekends and public holidays.

Dzulkefly acknowledged that healthcare workers in Malaysia face extremely high workloads, with extended working hours of up to 33 hours per on-call duty and a staggering 99-hour work week.

"Such conditions should not be the norm in a profession aimed at improving public health and saving lives," he added.

In response to these challenges, he said the ministry has established the Medical Advisory and Action Committee (MAAC) in January 2024.

Comprising 10 frontline clinical experts from various specialisations, including internal medicine, obstetrics and gynaecology, orthopaedics, surgery, radiology, paediatrics, anaesthesia, emergency medicine, family medicine and others, MAAC aims to address pressing issues affecting health-



**'Should not be the norm':**  
Dzulkefly acknowledged that healthcare workers in Malaysia face extremely high workloads.  
– Bernama

care workers, he added.

Meanwhile, Dzulkefly said the February launch of the Waktu Bekerja Berlainan (WBB) pilot project, or alternative working hours system for medical officers, will depend on the decision of the MAAC.

According to him, the MAAC or relevant units will determine whether to proceed with the plan on Feb 1.

He explained that the system's implementation remains an internal matter to be addressed by the committee and relevant departments, with formal approval required from both him, as the minister, and the Public Service Department (PSD).

To address long working hours and promote better mental well-being and work-life balance for medical officers, Dzulkefly said the MAAC had gathered feedback from doctors in high-intensity departments.

"The new system, developed by doctors for doctors, incorporates input from

various stakeholders.

"It is not intended to replace the existing systems but to serve as an additional option, depending on the resources and readiness of individual hospital departments," he explained.

He said internal guidelines for the programme were shared with health facilities to prepare for its implementation.

However, Dzulkefly expressed disappointment over the premature disclosure of the internal circular, which he said had caused misunderstandings and unnecessary concerns among medical staff and the public.

"This unfortunate leak has led to confusion and raised questions that could have been avoided.

"Pilot programmes allow for evaluation and improvement. I encourage all stakeholders to contribute their ideas professionally to strengthen our healthcare delivery system," he said.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

NST M/S 8 NATION 22/1/2025 (RABU)  
OPTIONAL SYSTEM

## Minister: Panel to decide on staggered shifts for doctors

**PUTRAJAYA:** The implementation of the *Waktu Bekerja Berlainan* (WBB) system for medical officers next month will depend on the decision of the Medical Advisory and Action Committee (MAAC).

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the system's rollout remained an internal matter to be addressed by the MAAC and relevant departments.

He said full implementation of the WBB system would require formal approval from both him as the minister and the Public Service Department (PSD).

"The WBB system, as a pilot project, serves as a preparatory step for any unit ready to begin implementation. It was not intended for public dissemination.

"The final decision on whether to proceed with the plan on Feb 1, as mentioned in the circulated letter, will be made by the committee or relevant units," he told a press conference yesterday.

Dzulkefly said the selection of any work schedule arrangement would depend on the capability and availability of the respective hospital departments and administrations.

He said the WBB system was optional and not meant to replace the existing working hours system for medical officers.

It would simply serve as an ad-

ditional option alongside the current system.

Addressing concerns about a leaked internal circular, the minister expressed his disappointment over the incident, saying that the letter had been irresponsibly shared, causing unnecessary confusion among the public.

"This document was purely an internal circular and should not have caused any public concern," he said.

Dzulkefly said engagement sessions with medical officers on the WBB system would continue.

"The findings from these sessions will be directly reported to the ministry and improvements will be made based on feedback from the pilot project," he said.

Last Friday, Dzulkefly said a final decision on the much-debated staggered work hours system would

only be made after the ministry's retreat, which concluded on Sunday.

He assured the public that the system was aimed at reducing fatigue, enhancing the wellbeing and quality of life of medical officers and ultimately improve healthcare service delivery to the public.

The WBB system was designed to reduce active on-call durations, cutting the maximum from 33 hours to 18 hours per session for those involved.



**The WBB system, as a pilot project, serves as a preparatory step for any unit ready to begin implementation. It was not intended for public dissemination.**

**DATUK SERI DR DZULKEFLY AHMAD**  
Health Minister



AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 15  
RUANGAN : NASIONAL

Waktu Bekerja Berlainan BH M1515 22/1/2025 (RABU)

# Program rintis WBB boleh dimula dengan kelulusan menteri, JPA

Pelaksanaan fasa pertama didedah kepada awam bergantung keputusan MAAC

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Putrajaya:** Pelaksanaan sesebuah program rintis seperti Waktu Bekerja Berlainan (WBB) yang menimbulkan kontroversi hanya boleh dimulakan dengan kelulusan menteri dan persetujuan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata surat edaran pelaksanaan WBB Fasa 1 yang tular di media sosial baru-baru ini, yang ditandatangani oleh Pengarah Perkembangan Perubatan Kementerian Kesihatan (KKM), Datuk Dr Mohd Azman Yacob adalah urusan program rintis secara dalaman.

"Sebelum itu, garis panduan pelaksanaan projek rintis kepada fasiliti kesihatan dibuat melalui surat edaran dalaman agar perseorangan di lapangan dapat dibuat sebelum projek rintis dilaksanakan.

"Malangnya, surat edaran tersebut telah didedahkan kepada awam oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan telah disalah faham erti dan fungsinya," katanya pada sidang media di sini semalam.

Dalam surat edaran bertajuk 'Pelaksanaan Sistem WBB Fasa Pertama' bertarikh 10 Januari yang dikeluarkan oleh KKM, antara kandungan surat itu menyebut WBB diluluskan untuk projek Fasa Pertama oleh Ketua Setiausaha KKM pada 3 Januari lalu, membabitkan beberapa jabatan di hospital terpilih.

Pelaksanaan sistem itu mendapat kritikan antaranya berkait syif tugas doktor ditukar untuk bekerja selama 18 jam dari jam 3 petang hingga jam 9 pagi keesokannya sehingga mereka tidak mendapat elaun *on call*.

Ditanya sama ada pelaksanaan WBB Fasa Pertama itu akan terpakai, Dr Dzulkefly berkata, ia bergantung kepada keputusan Jawatankuasa Penasihat dan Tindakan Perubatan (MAAC).

"Ini adalah edaran dalaman bagi projek rintis untuk dijalankan. Nak buat secara rintis atau apa pun dan untuk memastikan sama ada WBB boleh dilaksanakan atau wajar dilaksanakan, itu adalah hal dalaman.

"Sama ada ia hendak dilaksanakan atau pun tidak, MAAC



Dr Dzulkefly pada sidang media khas di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

akan putuskan," katanya.

Mengenai maklum balas yang diperolehi MAAC bagi menangani waktu bekerja yang terlalu panjang, menjaga kesejahteraan minda dan menawarkan keseimbangan antara kehidupan kerja dalam kalangan pegawai perubatan, Dr Dzulkefly berkata: "Antara hasilnya ialah sebuah cadangan pendekatan baharu terhadap aturan jadual kerja yang berlainan daripada sistem atas panggilan (*on call*) dan sistem syif sedia ada."

Beliau berkata WBB adalah tambahan pilihan kepada dua

sistem sedia ada dan bukannya bagi menggantikannya.

#### Bayaran elaun 'on call'

Mengenai bayaran elaun *on call* bagi pegawai perubatan, Dr Dzulkefly membayangkan akan ada berita baik untuk pegawai perubatan kerajaan berhubung pembayaran kenaikan elaun *on call*.

Tanpa memberikan perincian, beliau berkata sudah menghubungi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai perkara itu.

Justeru, beliau berkata perka-

ra dibangkitkan itu akan diputuskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada Jumaat ini.

"Saya berkesempatan berhubung dengan Perdana Menteri sebentar tadi (semalam). Beliau menyebutkan pada saya supaya menunggu (keputusan mesyuarat) Kabinet Jumaat ini, untuk mendapat keputusan secara tuntas.

"Perdana Menteri sebutkan pada saya, kita akan membuat keputusan ini secara tuntas dalam (mesyuarat) Kabinet Jumaat ini dan jangan diumumkan buat sementara," katanya.



**AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**MUKA SURAT : 18**  
**RUANGAN : SINAR BESTARI**



**PERSPEKTIF**  
NORHAYATI MOHD ZAIN

# Juru x-ray, 'mata' dalam dunia perubatan

**D**i sebalik topik perbincangan tentang pembinaan kerjaya, sering kita terlepas pandang kepada satu kelompok individu yang tidak kurang hebatnya iaitu juru x-ray.

Mereka merupakan sekumpulan profesional yang bekerja dengan dedikasi dan komitmen di sebalik cahaya gelombang serta memainkan peranan penting dalam sistem penjagaan kesihatan.

## Pengimejan kepada rawatan penyakit

Juru x-ray bertanggungjawab menghasilkan imej berkualiti tinggi menggunakan teknologi pengimejan seperti sinar-x, CT scan dan MRI.

Imej-imej ini adalah asas bagi doktor untuk mendiagnosis pelbagai keadaan patologi. Sebagai contoh dalam kes kemalangan, pesakit dihantar ke jabatan x-ray untuk mengesan sebarang patah tulang atau kecederaan dalaman yang mungkin tidak dapat dilihat secara fizikal.

Hasil pemeriksaan juru x-ray melalui beberapa instrumen berteknologi tinggi berkaitan akan membantu doktor membuat diagnosis lebih tepat serta merancang pelan rawatan bersesuaian.

Melalui pemeriksaan seperti mamogram pula, juru x-ray membantu dalam mengenal pasti kanser payudara pada peringkat awal. Jadi mereka bukanlah 'penekan butang' semata-mata.

Dengan kepakaran mereka dalam teknologi pengimejan dan pengetahuan tentang prosedur rawatan, juru x-ray memainkan peranan tidak ternilai dalam meningkatkan kualiti penjagaan kesihatan manusia khususnya.

## Evolusi pengimejan perubatan

Kecerdasan buatan (AI) seperti *machine learning* dan *deep learning* membawa pengaruh signifikan bagi juru x-ray.

Teknologi ini membantu dalam menganalisis imej dengan lebih cepat dan tepat, di samping dapat mengurangkan kemungkinan kesilapan manusia.

Dengan algoritma yang dirancang, AI



Para pelajar turut berpeluang menggunakan mesin simulasi CT scan dan ultrabunyi di Makmal Pengimejan Perubatan KPJU.

dapat mengenali pola dalam imej perubatan yang mungkin sukar dikesan oleh manusia. Contohnya dalam analisis gambar sinar-x atau CT scan, sistem AI dapat mencapai ketepatan (*accuracy*) yang lebih tinggi dalam mengesan kelainan seperti tumor atau patah tulang.

AI juga membantu mengurangkan beban kerja juru x-ray di samping membantu mengurangkan waktu menunggu pesakit untuk mendapatkan hasil diagnosis.

Transformasi ini menunjukkan bahawa masa depan radiografi akan terus berkembang dengan kemajuan teknologi yang semakin pesat.

## Kesedaran kesihatan

Juru x-ray juga terlibat program pendidikan yang memberi pendedahan kepada masyarakat tentang peranan mereka dalam sistem penjagaan kesihatan.

Melalui sambutan Hari Radiografi Sedunia setiap 8 November, mereka mengadakan pameran, ceramah dan aktiviti bersesuaian untuk meningkatkan

pemahaman orang ramai mengenai teknologi sinaran dan aplikasinya dalam diagnosis serta rawatan penyakit.

Ia membantu mengurangkan stigma dan salah faham mengenai prosedur pengimejan perubatan.

Juru x-ray mendidik pesakit dan orang awam tentang risiko radiasi dan langkah-langkah yang diambil untuk melindungi mereka semasa menjalani pemeriksaan. Ini termasuk penjelasan tentang dos radiasi yang digunakan dan bagaimana ia dikendalikan untuk meminimumkan risiko kepada pesakit.

Juru x-ray juga menyedari pentingnya pengesanan awal penyakit terutama kanser. Dengan memberikan maklumat mengenai kepentingan pemeriksaan berkala seperti mamografi dan sinar-x, mereka membantu meningkatkan kesedaran tentang pentingnya diagnosis awal dalam meningkatkan peluang pemulihan.

Ini bukan sahaja memberi manfaat kepada individu tetapi juga kepada ma-

syarakat secara keseluruhan kerana pengesanan awal dapat mengurangkan beban penyakit.

## Masa depan kerjaya

Kurangnya pengetahuan dan penghargaan terhadap bidang ini menyebabkan profesion juru x-ray kurang jadi pilihan. Sedangkan kerjaya ini adalah tulang belakang sistem kesihatan.

Dengan peningkatan kesedaran tentang kesihatan dan keperluan untuk diagnosis awal, permintaan untuk perkhidmatan radiografi dijangka akan meningkat.

Juru x-ray akan terus menjadi sebahagian penting dalam pasukan perubatan, membantu doktor dalam mendiagnosis pelbagai penyakit termasuk kanser dan kecederaan trauma.

Ia membuka peluang pekerjaan yang lebih luas di pelbagai institusi kesihatan, sama ada di sektor awam atau swasta.

Masa depan kerjaya juru x-ray menawarkan peluang untuk pengkhususan pelbagai bidang, termasuk pengimejan digital, radiologi intervensional, perubatan nuklear dan ultrabunyi.

Menjadi pakar dalam bidang tertentu, juru x-ray dapat meningkatkan nilai mereka di pasaran kerja dan memberikan sumbangan lebih besar kepada sistem penjagaan kesihatan.

Kemajuan dalam teknologi pengimejan perubatan menuntut juru x-ray untuk menguasai teknologi terkini dan memahami cara mengendalikan peralatan canggih untuk memastikan mereka tetap relevan dalam bidang ini.

*\*Profesor Ts Dr Norhayati Mohd Zain ialah Pensyarah Kanun dan Teknologis Profesional, Jabatan Pengimejan Perubatan, Fakulti Sains Kesihatan, KPJ Healthcare University (KPJU)*



Untuk membaca artikel artikel lain yang menarik, imbas kod QR ini.



**KPJU menawarkan Program Pengimejan Perubatan peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda (pengajian secara sepenuh masa dan jarak jauh).**



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : FORUM

UTUSAN MALAYSIA M/S 19 FORUM 22/1/2025 (RABU)

# Perlu cipta tempat kerja lebih selamat, sihat

**DATA** daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menunjukkan sebanyak 21,508 kes kemalangan tempat kerja dicatatkan sepanjang separuh pertama 2024, dengan 163 daripadanya melibatkan kehilangan nyawa.

Pada masa lalu, aspek keselamatan di tempat kerja sering dipandang ringan. Sebelum penguatkuasaan undang-undang yang ketat, banyak kemalangan industri tidak direkodkan secara formal dan pekerja sering dibiarkan tanpa perlindungan sewajarnya. Insiden kilang runtuh atau kebakaran yang berlaku suatu ketika dahulu menjadi bukti bagaimana langkah pencegahan sering diabaikan, terutamanya apabila kos pelaksanaannya dianggap tinggi. Pekerja sektor pembinaan, perlombongan dan kilang sering menjadi kumpulan yang paling terdedah kepada risiko ini.

Meskipun kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan tempat kerja kini semakin meluas, ia masih belum berada pada tahap yang memuaskan. Statistik menunjukkan peningkatan dalam kes kemalangan, khususnya dalam sektor pembinaan dan perkilangan.

Sebagai contoh, insiden pada 2024 melibatkan seorang operator kilang yang maut akibat terjatuh ke dalam mesin tandan sawit jelas menunjukkan masih banyak kelemahan dalam amalan keselamatan. Selain itu, penyakit pekerjaan seperti gangguan pernafasan kronik akibat pendedahan kepada bahan kimia semakin meningkat, manakala tekanan kerja yang menjejaskan kesihatan mental juga menjadi cabaran baharu.

Di Malaysia, perundangan seperti Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 serta Akta Kilang dan Jentera 1967 menjadi asas untuk memastikan keselamatan pekerja. Tanggungjawab memantau kepatuhan terletak pada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH). Namun begitu, penguatkuasaan yang tidak konsisten serta sikap acuh tidak acuh segelintir majikan terhadap peraturan keselamatan terus menjadi halangan utama.

Semua pihak memainkan peranan penting dalam memastikan tempat kerja yang selamat. Majikan bertanggungjawab menyediakan persekitaran kerja yang bebas risiko dengan memberi latihan keselamatan, menyediakan alat pelindung diri dan mematuhi semua garis panduan keselamatan.

Di pihak pekerja pula, mereka perlu mengikuti prosedur kerja dengan disiplin, serta segera melaporkan sebarang ancaman keselamatan kepada pihak berkuasa. Kerajaan pula harus menggubal dasar yang lebih tegas, mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang dan memberikan perhatian kepada pendidikan keselamatan.

Langkah penambahbaikan yang boleh dipertimbangkan termasuk memberi insentif kepada majikan yang mengutamakan budaya keselamatan, seperti pengecualian cukai kepada syarikat yang melabur dalam teknologi keselamatan dan latihan pekerja. Pemeriksaan keselamatan secara berkala juga harus diwajibkan di semua sektor pekerjaan, dengan tindakan tegas dikenakan terhadap majikan yang gagal mematuhi peraturan.

Di peringkat pekerja, kempen kesedaran yang lebih menyeluruh perlu dilaksanakan agar mereka memahami hak dan tanggungjawab masing-masing dalam menjaga keselamatan diri. Kesatuan sekerja juga boleh menjadi platform untuk memperjuangkan isu-isu berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerja.

Keselamatan dan kesihatan di tempat kerja adalah tanggungjawab kolektif yang memerlukan usaha bersepadu dari semua pihak. Dengan komitmen berterusan serta pendekatan yang lebih menyeluruh, Malaysia mampu membina persekitaran kerja yang lebih selamat dan kondusif untuk semua. Apa yang dilakukan hari ini akan menentukan kesejahteraan tenaga kerja negara pada masa depan.

**PROFESOR MADYA DR. KHAIRUNNEEZAM MOHD. NOOR DAN PROFESOR MADYA DR. NURULIZA ROSLAN**  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)